

Mingguan Malaysia - 2.6 Juta Rakyat Dapat Manfaat CTC

Isnin, Feb 05 2018



HILMI YAHAYA (tengah) meninjau operasi klinik bergerak Institut Jantung Negara selepas merasmikan program Mobile CTC di Sekolah Kebangsaan Balik Pulau, Pulau Pinang, semalam.

Mingguan 4/2
2.6 juta rakyat dapat
manfaat Mobile CTC

PULAU PINANG 3 Feb. - Kira-kira 2.6 juta penduduk di seluruh negara telah mendapat

itu ialah Timbalan Menteri Kesihatan yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Seri

manfaat daripada program Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) sejak lima tahun lalu.

Pengarah Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan, Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, jumlah itu secara tidak langsung menunjukkan keberkesanan program berkenaan dalam mendekatkan rakyat dengan agensi-agensi kerajaan.

Beliau berkata, sepanjang tempoh itu sehingga tahun lepas, pihaknya telah berjaya menggerakkan kira-kira 400 program berkaitan untuk kemudahan rakyat.

“Saya melihat program pertama pada tahun ini di Pulau Pinang mendapat sambutan memberangsangkan dan menjangkakan antara 4,000 hingga 5,000 orang akan hadir bagi mendapatkan kemudahan yang disediakan,” katanya.

Hadir sama pada program yang berlangsung di Sekolah Kebangsaan (SK) Balik Pulau

Dr. Hilmi Yahaya.



**AMINUDDIN
HASSIM**

Sebanyak 37 buah khemah dan gerai pameran serta 17 buah kenderaan bergerak disediakan untuk kemudahan pengunjung pada program kali ini.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan termasuk berkaitan utiliti, pemeriksaan kesihatan, kemudahan memperbaharui lesen, pendaftaran mengundi serta pameran berkaitan dan pertandingan untuk penduduk setempat.

Secara keseluruhan, program kali ini mendapat kerjasama 54 buah jabatan serta agensi kerajaan termasuk beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Dalam pada itu, Hilmi berharap penduduk di sekitar Balik Pulau memanfaatkan sepenuhnya kemudahan yang disediakan oleh kerajaan itu.

Katanya, penduduk di sini bertuah kerana menjadi komuniti pertama yang menerima perkhidmatan tersebut tahun ini.